

23 OCT 1997

MSC TIDAK TERJEJAS OLEH KEGAWATAN KEWANGAN, KATA OTHMAN

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Susutnilai ringgit dan sentimen lembap di pasaran saham tidak menjejaskan pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC), ilham Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengerusi eksekutif Multimedia Development Corporation Bhd (MDC) Tan Sri Othman Yeop Abdullah ketika menyatakan demikian berkata beliau merancang untuk berpindah ke Cyberjaya menjelang akhir tahun 1998 "tetapi sekarang saya akan berpindah menjelang akhir 1997, setahun lebih awal daripada yang dijadualkan." Cyberjaya terletak di dalam kawasan MSC.

MSC terletak di pusat sepanjang 50km kali 15 km dari Kuala Lumpur City Centre ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang.

Berucap di Persidangan Telecom 21 di sini, Othman berkata sehingga 21 Okt, KDC telah menerima sejumlah 150 permohonan daripada syarikat untuk mendapatkan status MSC, dan daripada jumlah itu 63 telahpun diluluskan.

Katanya 12 permohonan adalah yang kurang jelas dan masih lagi dinilai oleh MDC berhubung nilai sebenar yang mereka boleh sumbangkan kepada ekonomi.

Empat permohonan telah ditolak kerana ia tidak bersangkut paut dengan matlamat MSC, katanya sambil menambah bahawa empat syarikat tersebut juga hilang wang pendahuluan RM10,000 setiap satu.

Othman berkata permohonan daripada 71 syarikat masih lagi diproses dan menambah sekiranya mereka tidak mendapat sebarang jawapan dalam tempoh 30 hari, permohonan mereka dianggap diluluskan secara automatik.

Sambil memberi perincian permohonan mengikut negara, katanya 35.3 peratus adalah syarikat tempatan, 26.6 peratus usaha sama tempatan dengan syarikat asing, empat peratus usaha sama di antara syarikat asing, 11.3 peratus syarikat Eropah, 9.3 peratus syarikat Amerika Syarikat, 4.6 syarikat Jepun dan 1.3 peratus syarikat Kanada.

Othman berkata pelaburan modal yang diunjurkan daripada 63 syarikat yang diluluskan bagi tahun pertama beroperasi adalah sebanyak RM1.8 bilion, dan selepas tahun kelima beroperasi pula adalah RM2.6 bilion.

Unjuran pendapatan dalam tahun pertama operasi adalah sekitar RM689 juta.

"Ini bukannya berdasarkan pada unjuran kami tetapi pada rancangan perniagaan yang dikemukakan oleh syarikat terbabit. Di mana kami fikirkan tidak munasabah kita bincangkan selanjutnya dengan syarikat berkenaan," jelas Othman.

Dalam tahun pertama, syarikat berkenaan diunjurkan menanggung kerugian disebabkan pelaburan modal awal yang begitu banyak, katanya sambil menambah bahawa keuntungan menjelang tahun ketiga bagi 63 syarikat akan berjumlah RM641 juta. -- BERNAMA

AD/MAM MA